

Surat khabar: Utusan Malaysia (Sabah&Sarawak)

Hari/Tarikh: 18/12/2013

Muka surat: 31

Tajuk : Hubungan Profesional, Akademik Harus Dikukuh.



MOHD. Fadzil Abdul Rahman (kanan) menyampaikan cenderamata kepada Dr. Ibrahim Komoo dalam Majlis Perasmian Dialog Sarawak: Unimas bersama Majlis Profesor Negara, Industri dan Masyarakat di kampus universiti di Kota Samarahan, Kuching, Sarawak, semalam.

Hubungan profesional, akademik harus dikukuh

KOTA SAMARAHAN 17 Dis. - Hubungan baik antara golongan profesional dan kumpulan akademik di institusi pengajian tinggi (IPT) perlu diperkukuhkan bagi membantu kerajaan meningkatkan hasil dan sumber pengeluaran asli negara.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) Universiti Malaysia Sarawak (Unimas), Prof. Mohd. Fadzil Abdul Rahman berkata, hubungan tersebut penting kerana kepakaran golongan profesional diperlukan dalam menyumbang idea kepada penyelidikan yang dihasilkan oleh para akademik.

Katanya, bidang sumber asli dan alam sekitar merupakan sektor yang harus dititikberatkan dalam hubungan golongan profesional dan akademik ekoran sumber berkenaan yang semakin berkurangan.

"Perkongsian idea dan pandangan dua golongan berkenaan berupaya membantu mencapai hasrat kelestarian masyarakat dan kesejahteraan rak-

yat pada masa akan datang.

"Adalah menjadi satu kerugian jika kita terlalu bergantung pada tenaga pakar dari negara luar kerana tidak semua kaedah yang diperkenalkan oleh kumpulan itu boleh dilaksanakan di negara ini," katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Dialog Sarawak: Unimas bersama Majlis Profesor Negara (MPN), Industri dan Masyarakat di kampus universiti tersebut di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Penganjur Dialog Sarawak, Prof. Dr. Mohd. Tajuddin Abdullah dan Ketua Kluster Sumber Alam dan Alam Sekitar, Prof. Emeritus Datuk Dr. C Komoo.

Dialog tersebut merupakan anjuran MPN yang diadakan secara bergilir di semua IPT di seluruh negara bertujuan mendengar idea dan pandangan mengenai pembangunan yang akan memberikan kesejahteraan kepada rakyat negeri ini.